



# HARI KELUARGA KUKUM '03



Meskipun baru setahun jagung ditubuhkan, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) tidak ketinggalan mengadakan HARI KELUARGA KUKUM '03 pada 28 Disember 2003 yang bertempat di Tasik Melati, Perlis. Hampir 1000 orang kakitangan termasuk keluarga masing-masing hadir bagi memeriahkan lagi suasana sambutan hari keluarga KUKUM. Sambutan ini diserikan lagi dengan kehadiran orang kenamaan antaranya Menteri Besar Perlis, Y.A.B Dato' Seri Shahidan Kassim, dan Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis, Y.B Dato' Azib Saad dan isteri.

Sambutan ini dimulakan dengan pendaftaran peserta untuk semua acara. Antara acara-acara yang dipertandingkan iaitu isi air dalam botol, jalan kaki tiga, jalan atas bata, gula-gula dalam tepung, treasure hunt, musical chair, karaoke dan banyak lagi. Bagi kemuncak acara iaitu pertandingan tarik tali antara jabatan yang dimenangi oleh Pusat Kejuruteraan yang diketuai oleh En. Abdul Rahman Mohd. Saad yang mengalahkan Jabatan Canselori yang diketuai oleh Rektor KUKUM sendiri iaitu Lt. Kol. Prof. Dr. Kamarudin Hussin. Kebanyakan anak-anak staf telah mengambil bahagian dalam pelbagai acara yang dipertandingkan. Walaupun pertama kali diadakan sambutan amat mengalakkan.

Acara VIP turut diadakan iaitu acara golf yang menarik minat di kalangan pensyarah dan ketua-ketua jabatan. Turut serta dalam acara ini iaitu YB Speaker. Acara ini adalah acara sampingan bagi mencari bakat terpendam di kalangan staf KUKUM. Lebih menarik lagi, hampir 20 pasukan telah menyertai acara 'Treasure Hunt' yang agak mencabar para peserta. Pelbagai ragam yang ditonjolkan oleh setiap pasukan. Acara karaoke juga tidak kurang hebatnya. Acara ini menarik seramai lebih 60 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan dan keluarga telah menunjukkan bakat masing-masing. Acara tersebut terbahagi kepada dua kategori iaitu dewasa dan kanak-kanak. Acara turut diserikan dengan persembahan nyanyian daripada pasangan Y. Bhg. Rektor dan isteri di samping persembahan daripada Tn. Pendaftar, En. Ku Halim Ku Arifin, isteri kepada Tn. Bendahari dan ramai lagi.

Acara yang dinanti oleh semua iaitu acara penyampaian hadiah dan cabutan bertuah. Pelbagai hadiah disediakan untuk cabutan bertuah. Antara hadiah yang disediakan iaitu mesin basuh, TV 29", periuk nasi, cerek elektrik, seterika, lampu meja dan banyak lagi. Kali ini semua staf amat bertuah kerana setiap staf akan memperolehi cabutan bertuah masing-masing. Program ini berakhir dengan nyanyian lagu WAWASANKU.

Objektif sambutan ini telah tercapai di mana semua staf dan ahli keluarga yang hadir dapat berkumpul dan berkenal mesra seterusnya mewujudkan hubungan silatulahim. Oleh kerana sambutan seumpama ini baru pertama kali diadakan, maka terdapat sedikit sebanyak kekurangan yang tidak dijangkakan walaupun perancangan rapi telah dilaksanakan dan perkara tersebut akan dibuat penambahbaikan untuk program pada masa-masa akan datang.



Oleh : Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah